



# PANDUAN ASAS RAWATAN KECEMASAN

Setiap individu perlu mengetahui perkara asas dilakukan jika berhadapan dalam saat kecemasan. Ia mungkin berlaku di rumah, sekolah mahupun di tempat awam.

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dalam buku panduan pertolongan kecemasaannya berkata, jika kejadian berlaku di rumah mahupun di sekolah, pastinya kemudahan lebih lengkap kerana hampir setiap premis berkenaan dilengkapi dengan kemudahan kit pertolongan cemas.

Persediaan ini penting bagi membolehkan kita dapat bertindak lebih cepat untuk menyelamatkan mangsa saat kecemasan. Sebelum memberi bantuan pastikan keselamatan anda juga terjamin. Pastikan jenis kemalangan yang berlaku sebelum bertindak menghulurkan sebarang bantuan.

Di sini disediakan panduan awal bantuan kecemasan sekiranya anda berhadapan situasi sedemikian.

\* Rencatan elektrik, ketika berhadapan dengan suasana sedemikian, pastikan anda tidak terus menyentuh mangsa. Anda perlu peka dan bertindak pantas mengikut keperluan dengan mengenal pasti kadar bahaya elektrik yang menimpa mangsa.

Jika ia membabitkan kuasa

elektrik 40 volt ke bawah, anda hanya perlu menggunakan penebat untuk meleraikan mangsa daripada punca aliran elektrik seperti leraikan baju dan tali pinggang daripada badannya.

\* Ketika berada dalam suasana cemas untuk menyelamatkan nyawa seseorang pula, anda perlu pastikan jika mangsa pengsan, letakkan mangsa di tempat yang luas, lapang dan mempunyai laluan udara yang selamat. Usaha awal ini bertujuan memudahkan mangsa untuk bernafas.

\* Sekiranya berlaku pendarahan pula, hentikan aliran darah secepat mungkin. Rawat kecederaan dengan betul dan dapatkan latar belakang kesihatan mangsa antaranya sejarah kesihatan seperti diabetes. Mangsa yang menghidap penyakit memerlukan perhatian serius jika berlaku pendarahan seperti luka.

\* Untuk mencegah luka menjadi lebih teruk, adalah lebih sesuai jika mangsa dialihkan ke tempat yang selamat. Minta mangsa supaya kurangkan pergerakan. Apa yang lebih penting, anda boleh bertindak sebagai pelindung dan yakinkan mangsa, pertolongan seterusnya dapat mengurangkan masalahnya.

Dalam suasana sedemikian mangsa begitu mengharapkan sokongan daripada anda. Sokongan emosi penting

*PERTOLONGAN cemas ialah bantuan segera atau rawatan kecemasan yang diberikan kepada mereka yang mengalami kecederaan sebelum dia mendapat bantuan seterusnya daripada mereka yang bertauliah.*



bagi membolehkannya yakin berhadapan kesakitan. Bantuan perubatan seterusnya boleh dilakukan dengan memanggil ambulans atau mereka yang bertauliah secepat mungkin. Pastikan mangsa tidak bersendirian.

\* Anda boleh membantu mangsa dengan membalut lukanya bagi mengurangkannya daripada menjadi lebih parah. Rawatan awal ini dapat menghentikan pendarahan dan memastikan luka bersih dan terlindung daripada kuman yang

boleh menyebabkan jangkitan.

Pemalut mestilah daripada bahan antikulam yang disimpan dalam bekas kedap udara. Pemalut hendaklah diperbuat daripada kain putih dan bebas daripada bakteria.

Sebelum membalut luka, pastikan tangan anda bersih. Pastikan luka dibersihkan lebih awal sebelum menyentuhkannya. Gunakan pemalut yang dapat membalut luka sepenuhnya. Tambah pelapik tambahan dan letak di tempatnya supaya kesan balutan lebih kemas.